

Isnin, 3 Jun 2019 | 1:53pm



Timbalan Pengarah Penguatkuasa (Pencegahan dan Perisikan) KPDNHEP Putrajaya, Suhaimi Mat Sari (dua kiri) menjalankan tinjauan dan pemeriksaan harga ayam dan daging sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2019 di Pasar Besar Ipoh. - Foto Farah Suhaidah Othman

## 171 kesalahan dikesan sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

Oleh Farah Suhaidah Othman  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan sebanyak 171 kes membabitkan pelbagai kesalahan dilakukan peniaga di seluruh negara sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sejak 21 Mei lalu.

Timbalan Pengarah Penguat kuasa (Pencegahan dan Perisikan) KPNHEP Putrajaya, Suhaimi Mat Sari, berkata anggota penguat kuasa KPDNHEP menjalankan pemeriksaan terhadap 32,565 premis perniagaan di seluruh negara bermula 21 Mei hingga semalam.

Katanya, hasil pemeriksaan terhadap premis berkenaan, pihaknya mengesan 171 kes membabitkan jumlah rampasan bernilai RM18,416.75.

"Jumlah kompaun yang dikenakan terhadap semua kes berkenaan adalah sebanyak RM20,895.

"Kebanyakan premis yang kami kuatkuasakan adalah barang-barang yang dijual di pasar dan tumpuan pemeriksaan kami adalah di pasar awam, pasar pagi dan pasar tani," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan SHMMP sempena Hari Raya Puasa 2019 di Pasar Besar Ipoh, di sini hari ini.

Beliau berkata, berdasarkan pecahan mengikut negeri, Johor merekodkan kes paling tinggi direkodkan sepanjang tempoh itu dengan 47 kesalahan diikuti Kelantan dengan 24 kes dan Selangor sebanyak 21 kes.

"Kesalahan yang paling tinggi dikesan adalah kegagalan peniaga menggunakan tanda harga khas dengan jumlah sebanyak 145 kes.

"Bagi kesalahan tiada tanda harga, sebanyak 21 kes dikesan manakala bagi kesalahan melebihi harga maksimum, sebanyak lima kes dikesan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Suhaimi berkata KPDNHEP menempatkan seramai 2,293 anggota ditempatkan di lokasi ditetapkan di seluruh negara sepanjang SHMMP yang dilaksanakan selama 30 hari bermula 21 Mei hingga 19 Jun ini.

"Ini memastikan semua anggota yang ditugaskan itu turun padang demi memastikan semua peniaga mematuhi undang-undang ditetapkan," katanya.